

BULETIN

# AKRAB



Kebakaran  
Di Kuarters  
Jabatan Pertanian Serdang



Pelancaran  
Buku Akrab



# KANDUNGAN



09



13

- 02 Perutusan Penaung
- 03 Perutusan Penasihat
- 04 Perutusan Pengerusi
- 05 Jawatankuasa AKRAB 2014/2015  
[Info AKRAB](#)
- 06 Teknik-Teknik Kaunseling  
[Berita AKRAB](#)
- 09 Misi Pasca Banjir Di Pejabat Pertanian Jajahan Tanah Merah, Kelantan
- 11 Kebakaran Di Kuarters Jabatan Pertanian Serdang
- 13 Pelancaran Buku Pelan Strategik AKRAB 2015-2020  
dan Buku SOP AKRAB Jabatan Pertanian 2015
- 14 Pentauliahan Rakan Akrab 2015
- 15 Seminar Jom Bahagia
- 16 Pameran AKRAB Sempena 110 tahun Jabatan Pertanian  
[Artikel](#)
- 17 Amalan Menziarah Orang Sakit
- 18 Kenali Personaliti Anda
- 19 Ujian Personaliti Diri Berdasarkan Corak
- 20 Ujian Personaliti Diri Berdasarkan Bentuk
- 22 Kenali Rakan AKRAB Anda

Penaung :  
Dato' Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek

Penasihat :  
Tn. Hj. Hanawi Bin Ahmad

Ketua Editor :  
Pn. Fatimah Mohd Nasir  
Editor :  
En. Fazlisyam Md. Isa



# PERUTUSAN PENAUNG

↗ **Dato' Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek**

Penaung Jawatankuasa AKRAB  
Jabatan Pertanian Malaysia

Assalamualaikum WBT dan Salam 1 Malaysia.

**A**lhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat, keizinan dengan perkenanNya, Buletin Akrab tahun 2015 berjaya diterbitkan. Terlebih dahulu, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa AKRAB di atas segala kerjasama dalam menyusun, menyunting dan seterusnya menerbitkan Buletin AKRAB ini.

Saya melihat tahun 2015 merupakan tahun di mana AKRAB telah mengorak langkah kehadapan kerana lebih proaktif dalam melaksanakan sesuatu perancangan dan aktiviti. Ini terbukti apabila Jabatan Pertanian merupakan agensi yang pertama di bawah Kementerian Pertanian yang telah berjaya melancarkan Buku Pelan Strategik AKRAB 2015-2020 dan Buku SOP AKRAB Jabatan Pertanian 2015.

Sebagai Penaung jawatankuasa ini, saya berharap Program memperkasakan ahli AKRAB Jabatan Pertanian terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi bagi meningkatkan tahap profesionalisme ahli AKRAB. Pada masa akan datang, saya ingin melihat peranan AKRAB dalam perspektif yang lebih besar iaitu dapat membantu pihak Pengurusan membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan organisasi.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga kepada Pn. Fatimah Mohd Nasir yang bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa AKRAB kerana telah bertungkus lumus memastikan segala urusan dan aktiviti dapat diuruskan dengan baik. Saya percaya segala perancangan yang telah diatur hanya dapat direalisasikan jika rakan AKRAB juga memberi komitmen yang sangat baik.

Sekian Terima Kasih



# KATA ALUAN PENASIHAT

↗ **Tn. Hj. Hanawi Bin Ahmad**

Merangkap Penasihat Jawatankuasa AKRAB  
Jabatan Pertanian Malaysia

Assalamualaikum WBT dan Salam 1 Malaysia.

Mariyah sama-sama kita merafak kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita masih lagi berdiri teguh dan mampu terus memberi sumbangan kepada masyarakat. Saya juga merasa bersyukur kerana AKRAB Jabatan Pertanian telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2015 ini.

Berita-berita yang akan dipaparkan dalam buletin keluaran kali ini jelas akan membuktikan kepada kita semua bahawa Rakan AKRAB wujud dalam keluarga Jabatan Pertanian. Diharapkan Buletin ini dapat memberi percambahan ilmu pengetahuan dan perkongsian pendapat antara satu sama lain.

Terima Kasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa dan tidak lupa juga kepada penulis yang telah menyumbangkan artikel berkongsi pengalaman serta menulis berita-berita sepanjang tahun tahun 2015.

Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua Rakan AKRAB agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang agar kita sama-sama dapat meningkatkan nama baik jabatan serta menjadi Jabatan yang mempunyai kakitangan yang berprestasi tinggi.

Terima Kasih



# KATA ALUAN PENGERUSI

↗ **Pn Fatimah Mohd Nasir**  
Pengerusi Jawatankuasa AKRAB  
Jabatan Pertanian Putrajaya

Assalamualaikum WBT dan Salam 1 Malaysia.

**T**erlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah Kurnianya Jawatankuasa AKRAB berjaya menerbitkan Buletin AKRAB 2015.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahnian kepada 9 orang ahli AKRAB baru yang telah berjaya mendapat Sijil Tauliah pada bulan Oktober yang lalu. Sehingga kini, keluarga AKRAB telah mencecah seramai 48 orang. Dengan pelbagai program dan aktiviti yang telah diatur diharapkan ahli AKRAB dapat memperkaya ilmu pengetahuan khususnya dari sudut psikologi dan kaunseling.

Diharapkan Buletin ini akan terus menjadi wadah dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan informasi terkini tentang AKRAB, berita-berita dan artikel-artikel berkaitan psikologi. Sedikit sebanyak sumbangan AKRAB dapat membantu pihak Pengurusan membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan organisasi serta menjadi ‘role model’ yang boleh dicontohi.

Terima Kasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa dan tidak lupa juga kepada penulis yang telah menyumbangkan artikel berkongsi pengalaman serta menulis berita-berita sepanjang tahun tahun 2015. Diharapkan penerbitan Buletin AKRAB terus menjadi kesinambungan bagi penyampaian maklumat dan perkongsian ilmu serta usaha-usaha yang telah dilakukan AKRAB.

Sekian Terima Kasih

# CARTA ORGANISASI

JAWATANKUASA  
INDUK AKRAB  
SESI 2014 / 2015  
JABATAN PERTANIAN

**PENAUNG**  
Dato' Ahmad Zakaria bin Mohd Sidek  
Ketua Pengarah Pertanian

**PENASIHAT**  
Pengarah Bahagian  
Pembangunan Sumber Manusia

**PENGERUSI**  
Fatimah Mohd Nasir  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Kemajuan Kerjaya, BPSM

**TIMBALAN PENGERUSI**  
Johari bin Abdullah, BPPIAT

**PENYELARAS**  
Mohd Nazri bin Abu Seman  
Ketua Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM

**SETIAUSAHA**  
Rohaizah bt Mohamed Nasir  
Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM

**BENDAHARI**  
Ngadiran bin Nasir  
Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM

**J/K KOMPETENSI LATIHAN**  
Pengerusi : Normaizah bt Ismail @ Manaf  
Timb. Pengerusi : Rosli bin Yaacob

**J/K PENERBITAN**  
Pengerusi : Fazlysim bin Md Isa  
Timb. Pengerusi : Hayusri Faizal bin Idris

**J/K SOSIAL DAN KEROHANIAN**  
Pengerusi : Shabariah bt Ismail  
Timb. Pengerusi : Wan Nur Amalina bt  
Wan Mohamed

**J/K TUGAS-TUGAS KHAS**  
Zon Timur : Ab Wasa bin Mohd Nor  
Zon Utara : Shahbani bin Ismail  
Zon Tengah : Fauzi bin Md Yatim  
Zon Selatan : Noraini bt Sulian

# Info AKRAB : TEKNIK-TEKNIK KAUNSELING

Dalam proses ini berlaku perbincangan yang sistematis yang dipimpin oleh kaunselor tanpa disedari oleh klien. Pertemuan dan perbincangan ini dipanggil sesi kaunseling. Ia merupakan proses perkongsian dari segi intelek dan emosi. Proses ini bermula apabila ada persetujuan antara klien dan kaunselor untuk melibatkan diri mereka dalam menguruskan sesuatu persoalan. Proses perkongsian ini mungkin berlangsung dalam beberapa sesi pertemuan kaunseling.

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa proses kaunseling dipengaruhi oleh pendekatan atau teori yang digunakan oleh kaunselor yang berkenaan. Proses kaunseling mengandungi peringkat-peringkat seperti pertemuan awal, penerokaan, mengenalpasti masalah, menentukan matlamat kaunseling, rancangan untuk mengatasi masalah, perlaksanaan rancangan, tindakan susulan dan penamatan. Dari segi peranan dan tanggungjawab pula, kaunselor perlu memainkan peranan dan tanggungjawab yang lebih utama ditahap awal proses kaunseling. Peranan dan tanggungjawab ini kemudiannya secara pelahan-lahan beralih kepada klien hingga ke hubungan kaunseling ditamatkan.

Berdasarkan teori dan pendekatan masing-masing, ahli-ahli dalam bidang bimbingan dan kaunseling telah menggunakan berbagai teknik bagi membantu para klien yang datang mendapatkan perkhidmatan mereka.

Antara contoh teknik-teknik yang digunakan adalah

Proses kaunseling ini melibatkan satu urutan perkembangan perhubungan antara kaunselor dengan klien yang berlaku dalam suatu jangka waktu tertentu. Perhubungan ini bermula dari satu peringkat dan terus berkembang ke satu peringkat yang lain. Peringkat-peringkat ini berjalan secara teratur dan mempunyai sesuatu objektif atau tujuan yang tertentu.

## ↗ PERKAITAN BEBAS

Teknik ini selalu digunakan dalam pendekatan psikoanalisis. Teknik perkaitan bebas memerlukan klien meluahkan apa sahaja yang terlintas dalam pemikirannya tanpa menapis susunan logik perbualannya dengan kaunselor. Teknik ini digunakan bagi tujuan mengingat semula pengalaman serta emosi lampau yang pernah dialami oleh klien. Kaunselor biasanya memberi satu sikap interaksi yang menggalakkan supaya klien boleh bertindak secara bebas tentang perkara yang hendak

diluahkan. Asas kepada teknik ini adalah kefahaman bahawa dalam diri individu memang tersemat pendaman sebagai satu faktor mekanisma bela diri. Tujuan perkaitan bebas adalah bagi melepaskan ke tahap sedar pendaman yang lama sehingga dapat diluahkan. Pendaman yang banyak tersimpan menjadi tekanan desakan diri. Sehingga pendaman tersebut dikeluarkan ke tahap sedar, ia tidak boleh disesuaikan dengan alam nyata.

## ↗ TRANFERENS

Teknik ini juga selalu digunakan dalam pendekatan psikoanalisis. Trenferens digunakan oleh kaunselor bagi memberi galakan kepada klien bahawa kaunselor sememangnya bersedia untuk memberikan bantuan. Konsep tranferens meletakkan klien dalam satu keadaan minda bahawa kaunselor sebenarnya adalah ibubapa atau orang yang penting dalam kehidupan masa lampau mereka. Dalam proses tranferens seseorang klien itu akan menghidupkan semula tanpa disedari segala tingkahlaku lampau kepada kaunselor. Keadaan ini sangat perlu difahami oleh kaunselor bagi menangani proses analisis dan pentafsiran mekanisma bela diri klien.

## PENTAFSIRAN

Dalam proses kaunseling psikoanalisis, pentafsiran penting bagi menimbulkan wawasan psikologikal kepada diri klien. Trenferens sahaja tidak mencukupi bagi menggerakkan klien kearah kelegaan dan tingkah laku yang baru. Analisis dan pentafsiran tentang mekanisma bela diri klien akan memudahkan klien memahami kerumitan yang sedang dialaminya. Tugas kaunselor adalah untuk menjelaskan satu katarsis atau kelegaan dalam yang boleh dinikmati klien. Pentafsiran dapat menggerakkan segala kefahaman superego yang lama kepada satu tahap kesedaran baru. Pengalaman dan kefahaman baru ini selanjutnya akan diganti dengan kesedaran ego baru dan bergerak ke arah penerimaan superego yang lebih sesuai dengan keadaan semasa sejalan dengan klien.

Dalam proses kaunseling secara psikoanalisis ini berbagai rintangan mungkin akan timbul di antara interaksi kaunselor dengan klien. Pentafsiran yang dikemukakan oleh kaunselor tidak semestinya diterima oleh klien. Hasil pentafsiran mungkin menimbulkan satu reaksi kepincangan dan kaunselor wajar bersedia menerima hakikat bahawa tidak semua analisisnya mudah diperlakukan oleh klien. Apabila keadaan ini berlaku maka kaunselor wajar sedar bahawa klien mungkin berada dalam keadaan transferens dan menganggapnya sebagai orang yang signifikan yang pernah dialami dalam hidupnya yang lampau. Ada kalanya juga rintangan tidak semestinya berlaku hasil daripada proses transferens. Ada kemungkinan juga rintangan berlaku hasil daripada satu penolakan sebenar pentafsiran yang diberi oleh kaunselor. Tanda seperti ini memberi isyarat bahawa klien belum bersedia untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan yang sebenar.

## PENILAIAN

Teknik ini selalu digunakan dalam pendekatan kaunseling tingkah laku. Proses penilaian memerlukan kaunselor mendapatkan segala maklumat tentang masalah yang dialami klien. Kaunselor perlu mengumpul maklumat mengenai masa, cara masalah berlaku, cara yang diusahakan oleh klien bagi mengatasi masalah, tempat, keadaan trauma yang pernah dialami, pengalaman klien dan berbagai lagi ciri maklumat tentang masalah yang dihadapi oleh klien.

Cara kaunselor menyoal semasa sesi kaunseling bagi mendapatkan maklumat adalah penting. Soalan yang bermula dengan perkataan "mengapa" wajar dilakukan manakala soalan yang bermula dengan perkataan 'bagaimana', 'apakah', 'bilakah' dan 'dimana' wajar digalakkan. Walaupun kaunselor akan mendapat maklumat dari soalan yang dikemukakan tetapi kaunselor tidak semestinya menerima sepenuhnya jawapan yang diberi oleh klien. Cara klien menjawab juga penting diberikan perhatian. Kaunselor hendaklah sentiasa peka pada gerak geri dan cara klien menjawab bagi mengesan ciri-ciri tidak konsisten, cuba mengelak sesuatu atau membuat sesuatu yang terpesong dari yang benar.

Satu cara lain bagi mendapatkan penilaian dari klien adalah dengan menggunakan laporan kendiri yang dibuat oleh klien. Laporan ini adalah baik bagi pengumpulan maklumat tentang khayalan klien, pemikirannya dan juga perasaan mereka.

## MAIN PERANAN

Satu teknik yang juga digunakan dalam pendekatan kaunseling tingkah laku. Cara ini sesuai dalam menangani masalah interaksi. Biasanya kaunselor bersetuju untuk mengambil atau memainkan peranan orang yang klien menghadapi masalah untuk berinteraksi. Dengan cara ini kaunselor dapat mengenalpasti masalah induk yang klien hadapi dalam interaksinya dengan orang tersebut. Selanjutnya kaunselor akan mampu untuk cuba mengubah tingkah laku celaru yang dialami oleh klien dengan menggunakan teknik sampingan seperti latihan asertif dan sebagainya.

Dalam pendekatan REBT, klien akan melakunkan semula tingkah laku keimbangan, kemarahan dan kemurungan yang dialaminya. Kaunselor akan menerangkan bagaimana ianya terjadi. Kemudian peranan tadi akan ditukar di mana kaunselor pula akan memainkan peranan klien tadi sehingga klien boleh menerangkan semula bagaimana pemikiran salah itu boleh berlaku.

## GAMBARAN IMEJ

Teknik gambaran imej boleh memberi ingatan yang lebih jelas kepada klien tentang pengalaman yang dilalui sama ada yang lampau, sekarang atau yang akan datang. Cara ini dapat menyenangkan klien secara menggunakan simbol dalam imejnya tentang perkara yang menjadi kerumitannya. Disamping itu kaunselor juga akan dapat persepsi serta penilaian yang lebih jelas tentang masalah klien setelah klien menghuraikan pengalaman yang telah dialaminya dalam gambaran imej secara lisan.

## DESENSITISASI BERSISTEM

Teknik ini menerapkan penggunaan gambaran imej dengan latihan relaksasi bagi menghasilkan suasana selesa yang boleh diterima klien. Desensitisasi bersistem biasanya digunakan sebagai satu teknik bagi menghindar keadaan, kegelisahan atau keimbangan yang dialami klien. Proses permulaannya adalah dengan mengasingkan terlebih dahulu situasi yang menjadi pemangkin keresahan, kegelisahan atau keimbangan yang sedang dialami klien. Keadaan ini diukur dalam satu bentuk kontinum antara situasi yang kurang meresahkan hingga satu penghujung yang sangat mengancam ketenteraman klien.

Latihan relaksasi secara beransur-ansur biasanya diterap sebagai elemen penghindar yang bertentangan dengan perasaan dan pemikiran keresahan atau kegelisahan. Kaunselor akan mengasuh klien membayangkan atau menggambarkan dalam bentuk satu hiraki imej yang bermula dengan acara yang kurang meresahkan dan beransur-ansur bergerak ke arah hiraki yang lebih tinggi

dengan keadaan yang paling mengancam klien. Proses relaksasi disematkan ke dalam imej klien semasa klien menggambarkan imej-imej yang dirasakan kurang selesa sehingga imej tersebut bertukar menjadi selesa pada pandangan dan pemikiran klien. Proses ini diulang dan kaunselor akan hanya memimpin klien bergerak ke tahap hiraki yang lebih tinggi apabila klien sudah mampu menangani keadaan keresahan yang baru dilalui dalam latihannya.

#### ↗ MENGHILANGKAN RASA MALU

Teknik ini digunakan dalam pendekatan REBT. Teknik ini memerlukan klien untuk keluar ke khalayak ramai dan dengan berhati-hati melakukan sesuatu tingkah laku yang dianggap ‘bodoh’ dan ‘memalukan’. Pada masa yang sama juga klien akan digalakkan untuk merasai secara kognitif dan emotif hanya terhadap perkara-perkara yang boleh dimaafkan dan bukannya ‘malu’ apabila tingkah laku tersebut tidak diterima oleh orang lain.

#### ↗ IMAGERI RASIONAL-EMOTIF

Teknik ini memerlukan klien membuat imaginasi terhadap satu perkara yang amat buruk yang boleh berlaku ke atas dirinya seperti membayangkan perasaan kemurungan, negeri, ketakutan dan kemarahan. Kemudian klien akan berusaha untuk merasai kekecewaan, kesedihan dan kehampaan secara yang lebih tepat.

#### ↗ MEMBINA KENYATAAN BERSUNGGUH

Dalam teknik ini klien ditunjukkan bagaimana untuk membina kenyataan diri yang realistik dan rasional. Klien juga diajar bagaimana untuk menanamkannya dalam fikiran dan jiwa sehingga mereka yakin dan percaya dengan bersungguh-sungguh.

#### ↗ DIALOG-DIRI BERTENAGA

Dalam teknik ini klien akan merakamkan kepercayaan tidak rasional ke dalam pita dan berhujah mengenainya dengan kuat dalam pita tersebut. Kemudian klien akan mendengar semula pita rakaman tadi dan beri orang lain mendengar sama. Seterusnya klien akan menyemak sama ada ianya cukup kuat dan bertenaga.

#### ↗ LATIHAN AVERSI

Dalam teknik ini klien akan mengaitkan sesuatu yang pahit atau tidak selesa dengan tinngkah laku yang hendak disingkirkan. Contohnya seorang klien yang gemok yang suka makan gula-gula, ais krim, coklat dan sebagainya pada sepanjang masa. Klien ini diletakkan dalam keadaan bertenang. Kemudian apabila dia meletakkan gula-gula ke dalam mulut, dia diminta membayangkan gula-gula itu sebagai ulat dan menyebabkan dia muntah. Bayangan ini diulang setiap kali apabila dia hendak memakan gula-gula. Kemudian dia diminta memberi pujian kepada dirinya sendiri ketika dia tidak makan gula-gula.

#### ↗ KESIMPULAN

Sebenarnya ada banyak lagi teknik yang boleh digunakan dalam menjayakan usaha kaunselor untuk membantu klien yang datang mendapatkan perkhidmatan mereka. Pemilihan teknik ini bergantung kepada pendekatan atau teori yang menjadi pegangan kaunselor yang berkenaan. Contoh-contoh teknik yang digunakan adalah Banjir besar yang melanda Kelantan pada awal Januari yang lalu adalah antara yang terburuk dalam sejarah negara. Luar biasanya banjir kali ini menyebabkan pelbagai kemusnahan berlaku akibat banjir. Rumah tinggal tapak. Hanya anak tangga yang kelihatan. Tidak ada harta benda yang mampu diselamatkan. Bagi mereka yang masih ada rumah, terpaksa membaiki pelbagai kerusakan yang berlaku.

# MISI PASCA BANJIR :

## DI PEJABAT PERTANIAN JAJAHAN TANAH MERAH, KELANTAN



Bergambar bersama setelah selesai program pembersihan dilaksanakan di Pejabat Pertanian Jajahan Tanah Merah, Kelantan

Banjir besar yang melanda Kelantan pada awal Januari yang lalu adalah antara yang terburuk dalam sejarah negara. Luar biasanya banjir kali ini menyebabkan pelbagai kerosakan berlaku akibat banjir. Rumah tinggal tapak. Hanya anak tangga yang kelihatan. Tidak ada harta benda yang mampu diselamatkan. Bagi mereka yang masih ada rumah, terpaksa membaiki pelbagai kerosakan yang berlaku.

Lawatan CSR AKRAB Jabatan Pertanian, Putrajaya ini diadakan di Pejabat Pertanian Jajahan Tanah Merah, Kelantan pada 8 Januari 2015. Seramai 3 orang Rakan AKRAB disertai kakitangan Jabatan Pertanian, Putrajaya seramai 11 orang dengan menaiki bas yang disediakan. Setiba kami di pejabat tersebut, kami disambut mesra dan diberi penerangan ringkas mengenai musibah banjir yang melanda di pejabat tersebut.

Sewaktu lawatan CSR diadakan, pejabat tersebut masih dalam proses pembersihan di bahagian perkarangan pejabat dan di stor stor. Justeru semua peralatan dan barang yang rosak ditempatkan di luar pejabat iaitu di sekitar perkarangan sementara menunggu waktu dilupuskan dengan cara dibuang terus. Manakala para pekerja iaitu kakitangan pejabat tersebut dilihat kepenatan





Kedua-dua gambar di atas menunjukkan keadaan stor penyimpanan barang-barang Industri Asas Tani setelah dibersihkan

# KEBAKARAN DI KUARTERS JABATAN PERTANIAN SERDANG

Belum reda dengan berita panas tentang banjir di tanahair pada awal Januari yang lalu, kita dikejutkan dengan berita kebakaran di kuarters Jabatan Pertanian Serdang. Rumah kuarters yang terlibat adalah milik En. Sha'ary Bin Jabal yang bertugas di Institut Pertanian Serdang.

Lawatan CSR AKRAB Jabatan Pertanian yang terdiri daripada seramai 6 orang Rakan AKRAB telah berkunjung ke rumah En. Sha'ary pada jam 3.30 petang 15 Januari 2015. Tutut serta kunjungan tersebut ialah Pn. Aeshah Binti Ismail. Di sana, kami diberi penerangan ringkas mengenai kejadian kebakaran yang berlaku di rumah beliau. Sewaktu lawatan CSR diadakan, rumah beliau dilihat sudah tidak boleh diduduki. Kami dibenarkan masuk ke dalam rumah beliau setelah kerja-kerja siasatan dijalankan.



Menurut beliau pada malam lebih kurang jam 10.15 malam tanggal 14 Januari 2015. Beliau dikejutkan dari tidur dengan pekikan pelajar Institut Pertanian, "Rumah Terbakar!!!". Beliau bingkas bangun dan mendapati api sudah marak menjilat keseluruhan bahagian rumahnya. Tanpa membuang masa beliau meluru keluar menyelamatkan diri tanpa sempat menyelamatkan barang-barang peribadi, termasuklah telefon bimbit beliau. Lebih kurang setengah jam kemudian, bomba datang membantu memadamkan api yang sedang marak. Menurut beliau lagi, mujurkan anak-anak dan cucu-cucunya tidak berada di dalam rumah tersebut seperti sediakala dan hanya beliau seorang sahaja berada di rumah.



Pada keesokan harinya, pihak forensik hadir bagi menyiasat punca kebakaran yang berlaku. Beliau dimaklumkan bahawa kebakaran berpunca dari dalam stor dan api merebak ke bahagian ruang tamu dan bilik serta sebahagian dapur. Wang simpanan yang berjumlah lebih kurang RM3,000 tidak dapat diselamatkan, begitu juga dengan motosikal kesayangan anaknya kini tinggal rangka sahaja. Dokumen-dokumen penting dan bahan bacaan anak juga tidak dapat diselamatkan. Namun begitu, mesin basuh dan lain-lain barang dari bahagian dapur sebelah belakang yang terselamat dari dijilat api dikeluarkan setelah siasatan dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Cebisan daripada naskah-naskah bahan rujukan dilihat bertaburan di bahagian tengah rumah beliau. Di bahagian ruang tamu pula, kipas didapati melengkung ke bawah bagi menunjukkan betapa panasnya api yang membakar pada ketika itu. Alhamdulillah, syukur tidak melibatkan nyawa dalam kejadian kebakaran tempoh hari. Beliau dimaklumkan akan tinggal di kuarters Jabatan Pertanian Serdang yang dahulunya dihuni oleh En. Zubir Bin Bidin yang telah berpencen pada tahun lepas. Rentetan daripada itu, sebahagian daripada barang dan sumbangan untuk mangsa banjir telah disalurkan kepada beliau. Justeru itu, kehadiran kami dalam usaha membantu rakan Jabatan Pertanian Malaysia yang dianggap seperti adik-beradik ini ibarat "Cubit peha kanan, terasa peha kiri" sakitnya.



# PELANCARAN BUKU

## PELAN STRATEGIK AKRAB 2015-2020 & BUKU SOP AKRAB JABATAN PERTANIAN



Penyerahan Buku Pelan Strategik AKRAB 2015-2020 dan Buku Standard Operation Procedure (SOP) AKRAB oleh Pengerusi AKRAB kepada Ketua Pengarah Pertanian telah berjaya direalisasikan semasa Majlis Amanat Ketua Pengarah Pertanian dan Perhimpunan Jabatan Pertanian Bil.1/ 2015 pada 10 Februari 2015 yang lalu. Program yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan), Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Pertanian Negeri, Rakan AKRAB Kementerian dan IAT, Rakan AKRAB Jabatan Pertanian dan pegawai-pegawai Jabatan Pertanian.

Pelan Strategik AKRAB DOA dan Standard Operation Procedure (SOP) AKRAB telah dibangunkan oleh urusetia AKRAB, BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA adalah bertujuan menjadi sumber rujukan serta panduan di dalam merancang aktiviti tahunan AKRAB bagi memantapkan lagi organisasi AKRAB Jabatan. Ia selaras dengan peranan serta fungsi AKRAB Jabatan di dalam melahirkan warga Jabatan yang berprestasi tinggi serta komited di dalam memperkasakan imej Jabatan di mata masyarakat.

Pelan Strategik AKRAB DOA adalah pelan yang dimodifikasi serta dirangka untuk tempoh lima tahun bermula dari 2015 sehingga 2020 bersesuaian dengan dengan kehendak dan keperluan Jabatan. Ianya mengariskan satu rangka kerja dan menetapkan hala tuju dan perancangan AKRAB Jabatan bagi memberikan kepuasan dari segi perkhidmatan kepada warga Jabatan. Buku Standard Operation Procedure (SOP) AKRAB, disediakan bagi memperjelaskan proses dan aliran kerja AKRAB DOA seperti yang telah dirangka dalam Pelan Strategik AKRAB DOA.

Penyerahan Buku Pelan Strategik dan SOP AKRAB oleh Pengerusi AKRAB Jabatan Pertanian kepada Ketua Pengarah Pertanian

Buku Pelan Strategik AKRAB dan Buku Standard Operation Procedure (SOP) AKRAB





Ahli Baru AKRAB Jabatan Pertanian 2015

# PENTAULIAHAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) 2015



Tanggal 11 Oktober, 2015 telah melakar satu lagi sejarah AKRAB di mana telah berlangsungnya Majlis Pentaulianan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) sempena Hari Terbuka Psikologi Negeri Terengganu 2015. Majlis tersebut yang bertemakan Psikologi Melakar Perubahan, Menelusuri Kesejahteraan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu, bertempat di Dewan Besar Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Di antara dif-dif jemputan kehormat yang turut hadir adalah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, YB Exco Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Pegawai-pegawai kanan JPA termasuk Pengarah Bhg. Modal Insan dan Pengarah Bhg Pengurusan Psikologi dan Khidmat Pengurusan Kabinet Awam.

Dalam majlis tersebut, seramai 893 orang kakitangan perkhidmatan awam, melibatkan 33 sektor perkhidmatan terdiri dari Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kem. Pelancungan dan Kebudayaan Malaysia, Kem. Pertahanan, Kem. Luar Negeri, Universiti Tun Hussien Onn dan tidak ketinggalan Kem. Pertanian dan Industri Asas Tani. Sijil Pentaulianan AKRAB telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Pada tahun ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melahirkan Rakan AKRAB Baru seramai 55 orang, di mana seramai sembilan orang terdiri dari pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian yang telah menghadiri dan berjaya lulus dalam Kursus AKRAB Tahap I dan Tahap II yang telah diadakan sebelum ini. Kepada ahli-ahli baru "Selamat Melaksanakan Tanggungjawab AKRAB" dengan penuh berhemah dan sentiasa maju jaya hendaknya.



# Seminar Jom Bahagia



Seseorang individu yang normal mungkin tidak mempunyai kesihatan mental yang baik pada setiap masa, tetapi masih lagi berupaya untuk melakukan aktiviti sehari-hari seperti biasa. Berlainan pula dengan mereka yang mempunyai penyakit mental, dimana fungsi sehari-hari akan terjejas.

## **“Seminar Jom Bahagia”**

yang diadakan pada 5 Oktober yang lalu telah berjaya menarik minat ramai kakitangan di bawah agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk datang menghadiri seminar yang berlangsung di Dewan Serbaguna MOA. Seminar yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah dirasmikan oleh Tn Hj Othman bin Saad adalah sempena minggu Kesihatan Mental bersama warga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.


Objektif utama pengajian seminar ini adalah untuk memperkasakan warga kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan pengetahuan dan kemahiran agar mereka dapat menguruskan kesihatan mental dengan lebih berkesan.

